

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Hashim Gera masuk UMNO

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Dua belas lagi ahli UMNO mungkin dipecat jika tidak dapat memberi sebab mengapa mereka tidak boleh dipecat memandangkan mereka membantu calon pembangkang dalam pilihanraya umum April lalu.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, surat meminta mereka memberi penjelasan itu telah pun dikeluarkan pada 7 Jun lalu.

"Mereka diberi tempoh sehingga 28 Jun ini untuk memberi jawapan dan sekiranya gagal, mereka terpaksa dipecat," tegas beliau.

Bellau berkata demikian kepada para pemberita selepas memengerusikan Majlis Tertinggi UMNO di Ibu Pejabat UMNO di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengumumkan penerimaan keahlian bekas Ahli Parlimen PAS, Encik Hashim Gera menyertai UMNO.